

Baca pantun dan nyatakan maksudnya berdasarkan pilihan jawapan.

Setiap hari, adik belajar sifir
menggunakan buku Bijak Sifir
supaya mudah faham dan
cepat ingat.

Ayah membawa hadiah, iaitu
sebuah buku Bijak Sifir untuk
membantu adik belajar.

Adik mengaku bahawa belajar
Matematik tidak susah dan
kini adik menjadi semakin
bijak.

Abang berusaha untuk
mengajar adik mengira tetapi
adik terpinga-pinga kerana
tidak faham.

1.

Waktu pagi nyamannya udara,
Ibu menyiram pokok bunga;
Abang mengajar adik mengira,
Adik tak faham terpinga-pinga.

2.

Halaman rumah kemas dan indah,
Pasu tersusun di hadapan pintu;
Ayah pulang bawa hadiah,
Buku Bijak Sifir dapat membantu.

3.

Ibu memasak gulai kari,
Nenek pula sediakan pengat;
Belajar sifir setiap hari,
Mudah faham dan cepat ingat.

4.

Selepas menjemur baju yang basah,
Ibu duduk berehat sebentar;
Belajar Matematik tidaklah susah,
Sekarang adik semakin pintar.